

# Kesetiaan tidak harus dipersoalkan lagi — PM

UM 28 MAY 1991

KUALA LUMPUR 27 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa ketaatan dan kesetiaan rakyat di negara ini tidak harus menjadi tandatanya lagi, walaupun tahap patriotisme mereka masih boleh dipertimbangkan.

Beliau menambah, setelah tiga puluh empat tahun merdeka dan hampir semua rakyat sekarang dilahirkan di Malaysia, isu taat setia itu tidak timbul lagi.

Perdana Menteri berkata, kalau anak-anak dulu melalui sistem pendidikan berbeza yang tidak membantu ke arah perpaduan tetapi generasi hari ini sudah melalui sistem pendidikan yang seragam yang menekankan kesedaran sebagai bangsa Malaysia.

Berucap di perasmian mesyuarat

panel penasihat perpaduan negara di Carcosa Sri Negara di sini hari ini, beliau berkata, bangsa Malaysia yang ingin dibentuk adalah berlandaskan kepada semangat kesetiaan, ketaatan dan patriotisme yang tinggi serta tidak berbelah bahagi kepada negara. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 2).

## Mudah

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia bernasib baik kerana kebanyakan masalah perpecahan di kalangan masyarakat lebih berpunca daripada perbezaan taraf sosio ekonomi di antara kaum serta wilayah dan masalah ini lebih mudah diatasi.

Itulah sebabnya kerajaan memberi banyak tumpuan terhadap isu-isu pembangunan sosio ekonomi sejak dulu hingga sekarang, ujarnya.

Beliau menjelaskan, perpaduan yang ingin dipupuk ialah satu keadaan yang mana rakyat berbilang keturunan dan agama mempunyai satu perasaan kekitaan dan beridentiti sebagai warganegara dan bangsa Malaysia yang mampu melampaui batasan identiti kaum atau negeri mereka.

Mengenai campurtangan daripada orang-orang asing, katanya, orang-orang asing mungkin men-

**LIHAT MUKA 2**

## KESETIAAN TIDAK HARUS DIPERSOAL

UM 28 MAY 1991

akwa bahawa mereka tahu masalah perpaduan negara ini dan bagaimana mengatasinya.

Menurut beliau, orang-orang ini sebenarnya tidak tahu malah masalah di negara mereka sendiri tidak dapat diatasi.

"Keadaan di negara mereka jauh lebih buruk daripada negara kita walaupun mereka sudah tentukan orang-orang yang tidak daripada jenis mereka tidak dapat menduduki negara mereka.

Menurutnya, orang-orang di Malaysia lebih arif dengan masalah di negaranya malah telah terbukti dasar-dasar dan prinsip yang diamalkan berjaya mengatasi masalah masyarakat majmuk.

Kata Perdana Menteri, apa yang penting rakyat hendaklah mengurangkan tindakan yang menekan emosi serta mengamalkan sifat sederhana yang berpandu kepada akal fikiran dalam menyelesaikan masalah.

Mengenai panel penasihat perpaduan negara yang mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini, beliau menasihatkan mereka supaya bergerak atas konteks untuk menambahkan keberkesanan perlembagaan dan Rukunegara di kalangan rakyat.

Menurutnya, masih banyak lagi yang boleh difikirkan atau disarankan dalam usaha mencari jalan dan ikhtiar untuk meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat.

"Kita sedar kita tidak sempurna dan tidak mungkin sempurna.

"Dalam keadaan serba cacat itu, kita memerlukan nasihat tentang apakah yang harus dibuat lagi untuk mencapai perpaduan yang lebih erat," katanya.

Justeru itu, tegasnya, panel penasihat juga mempunyai peranan amat penting dalam usaha mencapai visi